


- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri - ciri sebuah perniagaan

✚	tidak dikenakan beban cukai
✚	pentadbiran secara demokrasi
✚	membantu keperluan anggota
✚	liabiliti terhad

Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut?

- A. Syarikat Sendirian Berhad
 - B. Syarikat Awam Berhad
 - C. Perkongsian
 - D. Koperasi
- 2 Gambar berikut menunjukkan salah satu sektor perniagaan.



Apakah sektor tersebut?

- A. Sektor utama
- B. Sektor kedua
- C. Sektor ketiga
- D. Sektor sekunder

- 3 Petikan berikut merupakan hubungan antara perkaitan perniagaan.

Jualan barang menggunakan teknologi moden seperti internet membolehkan perniagaan yang bersaiz kecil menembusi pasaran pada peringkat antarabangsa.

Tentukan perkaitan perniagaan tersebut?.

- A. Klasifikasi Peniagaan dan bentuk milikan
 - B. Klasifikasi Perniagaan dan Skala
 - C. Barangan dan bentuk milikan
 - D. Bentuk Pemilikan dan Skala
- 4 Gambar berikut merupakan perniagaan yang dijalankan Encik Sasali untuk dieksport ke rantau Asia.



Tentukan pelepasan cukai yang layak diperolehi Encik Sasali?

- A. Potongan Cukai
- B. Elaun Cukai Pelaburan
- C. Elaun Pelaburan Semula
- D. Taraf Perintis

5 Apakah faktor dalaman yang mempengaruhi berlaku trend meningkat?

- A. Politik yang stabil
- B. Pengurusan yang cekap
- C. Ekonomi yang berkembang
- D. Jaringan perniagaan yang positif

6 Maklumat berikut berkaitan dengan aspek perubahan persekitaran perniagaan

 **Jangkaan pertumbuhan 40% penggunaan kereta elektrik pada 2024.**
 **Tenaga Nasional Berhad rancang tambah stesen caj kenderaan**

Apakah aspek perubahan persekitaran perniagaan tersebut.

- A. Aspek Pasaran
- B. Aspek Kewangan
- C. Aspek Guna Tenaga
- D. Aspek Undang – Undang

7 Maklumat berikut berkaitan dengan PADU Asia Sdn Bhd.

PADU Asia Sdn Bhd mengumumkan jalinan kontrak bersama Teguh Solar Sdn Bhd yang bertanggungjawab mereka bentuk dan membina sistem solar di bumbung rumah di Malaysia

Apakah faktor luaran yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan

- A. Politik
- B. Ekologi
- C. Ekonomi
- D. Undang - Undang

8 Manakah pernyataan yang berkaitan dengan misi?

- A. Pernyataan berkaitan hala tuju perniagaan
- B. Pernyataan berkaitan tujuan utama perniagaan
- C. Pernyataan berkaitan panduan membuat keputusan
- D. Pernyataan berkaitan maklumat khusus perniagaan

- 9 Pernyataan manakah merujuk kepada tujuan visi?
- A. En. Azman telah mengagihkan belanjawan mengikut keperluan setiap jabatan
 - B. Seramik Sdn. Bhd ingin menjadi pembekal produk porselin terkemuka di Malaysia
 - C. Pekerja telah dimaklumkan berkaitan sasaran jualan yang perlu dicapai pada tahun semasa
 - D. Pengurus pemasaran telah menerangkan hala tuju perniagaan kepada semua pekerja di bawahnya
- 10 Pernyataan berikut berkaitan dengan Perniagaan Pisang Crispy.

Masyarakat Malaysia kini yang gemar menikmati kerepek pelbagai perisa menyebabkan Perniagaan Pisang Crispy mempelbagaikan perisa kerepek pisang yang dijual seperti kerepek pisang crispy coklat dan kerepek pisang crispy keju.

Antara berikut, faktor luaran yang manakah mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif Perniagaan Pisang Crispy tersebut?

- A. Teknologi
 - B. Ekonomi
 - C. Kewangan
 - D. Sosiobudaya
- 11 Apakah kesan sekiranya perniagaan tidak mencapai objektif?
- A. Jualan merosot
 - B. Kos operasi merosot
 - C. Harga produk dikurangkan
 - D. Kadar dividen dikurangkan

- 12 Gambar di bawah menunjukkan aktiviti bahagian fungsian yang berlaku di sesebuah perniagaan.



Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A. Pemasaran
 - B. Pengeluaran
 - C. Pentadbiran
 - D. Pengagihan
- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan Salmi Kerepek-ku.

 Memeriksa semua tempahan kerepek dan bertindak jika berlaku perbezaan
 Memenuhi kekurangan bekalan kerepek yang berlaku di sesuatu lokasi

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A. Jualan
- B. Kewangan
- C. Pemasaran
- D. Pengagihan

- 14 Pernyataan di bawah merupakan salah satu proses aliran barang atau perkhidmatan dalam sesebuah perniagaan

X	Pihak perniagaan mendapatkan peralatan sukan daripada bahagian pengeluaran dan mengedarkan kepada pihak sekolah.
----------	---

Proses aliran barang merujuk kepada

- A. Pesanan bahan mentah
 - B. Penerimaan pesanan pengguna
 - C. Penghantaran invois kepada pembeli
 - D. Pengeluaran item barang dan pengedaran
- 15 Mengapakah interaksi antara bahagian fungsian penting dalam sesebuah organisasi perniagaan kecil dan perniagaan besar?
- A. Untuk meningkatkan persaingan
 - B. Untuk mengurangkan kos operasi
 - C. Untuk menambah jumlah pelanggan
 - D. Untuk melancarkan aktiviti perniagaan
- 16 Pernyataan berikut berkaitan dengan Syarikat Kejuruteraan Katerina

Syarikat Kejuruteraan Katerina telah menetapkan Indeks Pencapaian Utama (KPI) sebagai petunjuk kepada prestasi pencapaian pekerja

Apakah peranan pengurusan sumber manusia Syarikat Kejuruteraan Katerina tersebut?

- A. Prestasi pasukan
 - B. Latihan Peningkatan Kemahiran
 - C. Menggalakkan kreativiti dan inovasi
 - D. Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran
- 17 Mengapa majikan lebih mengutamakan pekerja yang berpengalaman dalam sesebuah organisasi perniagaan ?
- A. Mereka lebih mudah untuk diberikan kenaikan pangkat
 - B. Mereka dapat menjimatkan masa dan kos latihan
 - C. Mereka lebih bersemangat untuk bekerja
 - D. Mereka lebih pandai berkomunikasi

18 Maklumat berikut berkaitan dengan Kilang Coco Bes.

Kilang Coco Bes telah dilawati oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) setelah mendapat aduan daripada pekerja mereka yang membuat laporan tentang tidak memberikan faedah yang wajib kepada mereka sepanjang tiga bulan yang lalu.

Apakah jenis faedah tersebut?

- A. Insurans kelompok
- B. Caruman PERKESO
- C. Kemudahan perubatan
- D. Kemudahan keselamatan

19 Manakah yang berikut merupakan sumber fizikal?

- A. Komputer riba
- B. Video animasi
- C. Adobe Photoshop
- D. Reka bentuk animasi

20 Manakah yang berikut merupakan prosedur mengurus sumber fizikal yang diperlukan dalam sesebuah perniagaan?


- A. Membina sebuah bangunan baharu bagi meningkatkan pengeluaran
- B. Membeli mesin baharu bagi melancarkan pengeluaran
- C. Mendapatkan bahan mentah yang berkualiti
- D. Menyelenggara mesin secara berkala

21 Mengapakah seorang usahawan perlu menguruskan harta intelek dengan baik?

- A. Memastikan perniagaan diurus dengan baik
- B. Menghasilkan keuntungan dalam jangka yang singkat
- C. Memastikan kedudukan aset sentiasa kukuh dan stabil
- D. Mengelakkan syarikat daripada ancaman cetak rompak



22 Gambar berikut berkaitan dengan sumber teknologi



Apakah prosedur mengurus sumber tersebut

- A. Paten
- B. Harta intelek
- C. Lesen perisian
- D. Hak cipta terpelihara


23 Gambar tersebut menunjukkan produk baharu yang dilancarkan oleh sebuah syarikat pengeluaran kereta.



Antara berikut, bagaimanakah penjaminan kualiti produk dapat dilaksanakan?


- I. Kaji selidik sikap pengguna terhadap produk
 - II. Mendapatkan maklum balas pelanggan tentang produk
 - III. Mendaftarkan reka bentuk produk di MyIPO
 - IV. Memastikan produk sentiasa mencukupi
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

- 24 Antara berikut, yang manakah merupakan kesan positif pengurusan sumber fizikal yang baik dalam mempertingkatkan kecekapan sesebuah perniagaan?
- A. Pengurangan kos operasi.
 - B. Penurunan produktiviti pekerja.
 - C. Pengurangan pembaziran sumber.
 - D. Penurunan kepuasan pelanggan.
- 25 Gambar berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan.



- Apakah kemudahan kewangan yang ditawarkan oleh agensi tersebut?
- A. Jaminan kredit
 - B. Bantuan modal
 - C. Dana kewangan
 - D. Geran penyelidikan dan pembangunan
- 26 Apakah sumber pembiayaan yang sesuai untuk menggunakan aset bagi tempoh tertentu sahaja?
- A. Modal Permulaan
 - B. Pemfaktoran
 - C. Sewa Beli
 - D. Pajakan

- 27 Carta berikut berkaitan prosedur mendapatkan pembiayaan



Antara berikut, yang manakah merujuk X?

- A. Menyediakan maklumat berkaitan had pembiayaan
 - B. Menyediakan maklumat berkaitan aktiviti perniagaan
 - C. Menyediakan dokumen yang diperlukan oleh pihak bank
 - D. Menyediakan dokumen bertulis berkaitan projek yang hendak dijalankan
- 28 Antara berikut yang manakah merupakan item penerimaan dalam penyata aliran tunai.
- A. Belian tunai
 - B. Jualan tunai
 - C. Ansuran pinjaman
 - D. Deposit kenderaan
- 29 Dialog berikut berkaitan pihak yang berkepentingan dengan penyata kewangan.

Siti	: Mengapa En Deva ingin memeriksa penyata kewangan ini dengan segera?
En. Deva	: Kerana saya ingin membuat penilaian sama ada ingin memperbaharui kemudahan kredit atau pun tidak.

Siapakah En. Deva?

- A. Pesaing
- B. Pelabur
- C. Pemilik
- D. Pembekal

- 30 Maklumat berikut berkaitan dengan kecekapan pengurusan stok dua buah syarikat perabot

Kadar Pusing Ganti Stok	Selamat Furniture	Azimi Perabot
	6 kali	8 kali

Antara berikut, yang manakah pernyataan yang betul?

- A. Jualan Azimi Perabot lebih tinggi
 - B. Kos penyimpanan Azimi Perabot lebih tinggi
 - C. Pengurusan stok Selamat Furniture lebih efisien
 - D. Kadar pulangan keuntungan Selamat Furniture lebih cepat
- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan En Asyraf.

En Asyraf baru memulakan perniagaan sejuk beku sejak dua bulan yang lalu. Beliau berjaya menjalankan perniagaan dengan lancar dengan bantuan daripada TEKUN.

Bagaimanakah agensi tersebut dapat menyumbangkan kepada kejayaan usahawan?

- A. Memberikan latihan kemahiran pengurusan perniagaan
- B. Menyediakan khidmat nasihat memulakan perniagaan
- C. Menyediakan modal untuk memulakan perniagaan
- D. Membantu dalam pemilihan lokasi perniagaan

32 Graf berikut merujuk kepada jumlah import produk tenusu di Malaysia




Apakah perkaitan graf tersebut dengan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya?

- A. Maklumat peribadi
- B. Objektif perniagaan
- C. Keberuntungan perniagaan
- D. Memantapkan imej perniagaan

33 Antara yang berikut, yang manakah akta yang terlibat untuk penubuhan perniagaan?

- A. Akta Kontrak 1950
- B. Akta Jualan Barangan 1967
- C. Akta Sewa Beli 1965
- D. Akta Syarikat 2016

34 Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan.



Akta yang manakah sesuai dengan ciri – ciri bentuk pemilikan tersebut?

- A. Akta Francais 1998
- B. Akta Syarikat 2016
- C. Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- D. Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

35 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah syarikat Ali Travel.

Syarikat Ali Travel baru sahaja ditubuhkan dan telah berjaya menerima Notis Pmerbadanan Syarikat

Apakah prosedur yang seterusnya yang perlu dilakukan oleh Syarikat Ali Travel?

- A. Melantik setiausaha syarikat
- B. Mengisi borang carian nama syarikat
- C. Menjelaskan pembayaran Fi pendaftaran
- D. Mengisi borang permohonan pendaftaran syarikat

36 Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Salwa.

Puan Salwa telah berjaya memperoleh borang D daripada SSM

Apakah tanggungjawab seterusnya yang perlu dilaksanakan oleh Puan Salwa?

- I. Mempamerkan sijil perakuan pendaftaran dan lesen perniagaan
- II. Mempamerkan notis pmerbadanan syarikat sebagai bukti pendaftaran
- III. Mendaftarkan perubahan maklumat perniagaan dalam masa 30 hari dari tarikh penubuhan syarikat.
- IV. Memastikan nama dan nombor pendaftaran perniagaan tertera pada dokumen rasmi

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

37 Apakah dokumen yang perlu untuk merekod maklumat ambilan barang niaga?

- A. Memo
- B. Resit
- C. Invois
- D. Bil tunai

38 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Deco Mewah.

Pengurus Besar Syarikat Deco Mewah telah menjalankan satu mensyuarat bersama pihak pengurusan. Pengurus jualan dan pengurus pemasaran telah diminta meningkatkan usaha bagi mencapai matlamat jualan dan pemasaran perniagaan.

Apakah matlamat tersebut ?

- A. Menyalurkan perkhidmatan dekorasi kepada pengguna
- B. Mengambil pereka dalaman yang berpengalaman
- C. Memberikan kepuasan kepada pengguna
- D. Menjana keuntungan perniagaan

39 Dialog berikut berkaitan dengan dua sahabat yang meminati hobi memancing.

Amir : Ali, jom kita mulakan perniagaan menjual alatan memancing.
Ali : Boleh, tapi kita perlu menyediakan dokumen bertulis yang menerangkan maklumat perniagaan yang dijalankan.
Amir : Baiklah, nanti kita bincang sama – sama.

Apakah dokumen yang dimaksudkan oleh Ali ?

- A. Rancangan Pentadbiran
- B. Rancangan Perniagaan
- C. Rancangan Kewangan
- D. Rancangan Operasi

40 Bagaimanakah rancangan perniagaan yang baik dapat meyakinkan pihak bank?

- I. Kemampuan membayar hutang
- II. Jumlah pinjaman yang dimohon
- III. Jumlah deposit dalam akaun bank
- IV. Kadar keuntungan yang diperoleh

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT